



Tidak membebankan

Peraturan penting untuk kecemerlangan



Tidak semua individu bersikap patuh arahan, namun boleh dikatakan semua kawasan menggariskan peraturan tertentu demi keselamatan mahupun kesejahteraan. Bermula di rumah, kita dididik untuk mematuhi peraturan selagi ia tidak mendatangkan kemudaratan.

Menginjak dewasa, kita masih dibayangi peraturan yang selari dengan perkembangan usia dan persekitaran. Peraturan di tempat kerja berbeza dengan rumah, begitu juga di peringkat tadika, sekolah mahupun institusi pengajian tinggi (IPT). IPT, terutama universiti sememangnya menjadi dambaan ramai.

Graduan berkelulusan begitu dipandang

tinggi dan berkepentingan dalam mengisi peluang kerja. Mereka sering menjadi buruan majikan kerana kebolehan mengekalkan kecemerlangan dalam akademik dan sahsiah. Pembentukan kecemerlangan ini juga bermula daripada siswa-siswi yang dilatih dengan semangat, disiplin tinggi dan yang patuh dengan peraturan.

Pelbagai respons apabila menceritakan isu peraturan, ada yang bersikap sinis, memandang berat, malah tidak kurang yang menjadikan peraturan suatu yang membebankan. Perkara ini menjadi isu yang diketengahkan dalam *Isu Kampus* minggu ini.

Ikuti temu bual bersama Pendaftar

Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak), Syed Haron Ahmad; Kaunselor Universti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Fauziah Saad; Timbalan Yang dipertua (TYDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) Nor Atikah Shafii; penuntut Universiti Selangor (Unisel) Khairunnisa' Dalila Roslan; penuntut Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Polimas), Nur Azuan Hafifi Mohd Noordin dan Afiq Farhan Rosman.